KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 5 OGOS 2026 (RABU)	
MEDIA	TVS
TAJUK	Dewan Negara: Kementerian kaji teknologi penjana air atmosfera untuk Orang Asli
PAUTAN	https://tinyurl.com/3vjebnf6



Rubiah menjawab soalan pada sesi Dewan Negara di Parlimen hari ini. Foto kredit Jabatan Penerangan Malaysia.

Dewan Negara: Kementerian kaji teknologi penjana air atmosfera untuk Orang Asli

By Azib Zikry Abdul Halim #bm, Malaysia August 4, 2026 1:55 PM

KUALA LUMPUR, 4 Ogos: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) mengambil maklum cadangan penggunaan teknologi penjana air atmosfera (AWG) sebagai alternatif membekalkan air bersih kepada masyarakat Orang Asli, khususnya di kawasan pedalaman yang sukar mendapat akses melalui sistem bekalan air konvensional.

Timbalan menterinya Datuk Rubiah Wang berkata penggunaan teknologi baharu itu bagaimanapun perlu melalui penilaian teknikal secara menyeluruh bagi menentukan kesesuaiannya mengikut keadaan setempat.

"Penggunaan teknologi ini perlu melalui proses penilaian teknikal terlebih dahulu secara menyeluruh, termasuk dari aspek kesesuaian lokasi, kapasiti pengeluaran air, keperluan tenaga, kos pelaksanaan serta kos operasi dan penyelenggaraan dan keberkesanannya dalam jangka panjang.

"Untuk makluman, teknologi ini pernah dibawa ke Sabah dan juga Sarawak, namun didapati mempunyai tahap kesesuaian yang berbeza mengikut lokaliti," katanya di Dewan Negara hari ini.

Beliau menjawab soalan Senator Shahrol Wizan Sulong yang ingin tahu langkah segera, sederhana

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 5 OGOS 2026 (RABU)	
MEDIA	Newswav
TAJUK	Industri getah perlukan generasi baharu saintis dan inovator
PAUTAN	https://tinyurl.com/3eymkxnw

Industri getah perlukan generasi baharu saintis dan inovator

Local | Technology | 4 Aug 2026 • 8:00 AM MYT

DagangNews.com
Berita bisnes anda

Industri getah perlukan generasi baharu saintis dan inovator



johardy04/08/2026 - 08:00 Oleh Dr. Mohd Syafik Mohamad Hamdan suratpembaca@dagangnews.com

Industri getah merupakan antara sektor komoditi yang mempunyai sejarah panjang dalam pembangunan ekonomi Malaysia.

Namun, dalam era ekonomi digital, perubahan iklim, perkembangan teknologi dan persaingan komoditi global yang semakin kompleks, persoalan yang perlu difikirkan ialah sejauh mana generasi muda hari ini memahami kepentingan industri getah kepada negara.

Persoalan ini bukan sekadar berkaitan dengan siapa yang akan menoreh pokok getah pada masa hadapan. Sebaliknya, ia berkaitan dengan siapa yang akan menjadi saintis, penyelidik, jurutera, ahli teknologi, usahawan dan pembuat dasar yang akan memastikan industri getah Malaysia terus berdaya saing dalam tempoh 20 hingga 30 tahun akan datang.

Hakikatnya, industri getah hari ini tidak lagi boleh dilihat sekadar sebagai aktiviti menoreh dan menjual susu getah. Industri ini telah berkembang menjadi satu ekosistem yang melibatkan genetik dan pembiakbakaan tanaman, bioteknologi, agronomi, teknologi digital, kecerdasan buatan (AI), automasi, pemprosesan hiliran, penghasilan produk berasaskan getah serta penyelidikan bahan baharu.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 5 OGOS 2026 (RABU)	
MEDIA	Newswav
TAJUK	Mewah & kontemporari, Runway Batik 2026 angkat keindahan seni tekstil tradisional Terengganu
PAUTAN	https://tinyurl.com/3d5wkf9u

Home / Mewah & kontemporari, Runway Batik 2026 angkat keindahan seni tekstil tradisional Terengganu

Mewah & kontemporari, Runway Batik 2026 angkat keindahan seni tekstil tradisional Terengganu

Women's Fashion | Lifestyle | 4 Aug 2026 • 10:26 PM MYT

SinarPlus
SinarPlus is a portal based on News, Current Affairs and Lifestyle content



RUNWAY Batik 2026 telah berlangsung dengan penuh warna warni dan meriah dengan hasil rekaan dan koleksi batik Terengganu sempena Terengganu Showcase 2026.

Bertempat di Medan Mara, Kuala Lumpur, pertunjukan kali ini menghidangkan keunikan warisan batik yang diterjemahkan melalui rekaan kreatif dan penuh inspirasi oleh pereka serta pengusaha batik tempatan.

Sembilan jenama terkenal iaitu Noor Arfa Batik, Gee Batik, Bukhori Batik, Ruzima, Ain Shaaidy, Batik Pak Rashid, Seem Noor Batik, Comel Collection dan Casalwa mewarnai pentas dengan rekaan terkini sekali gus memukau hadirin.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 5 OGOS 2026 (RABU)	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	Mewah & kontemporari, Runway Batik 2026 angkat keindahan seni tekstil tradisional Terengganu
PAUTAN	https://tinyurl.com/y7umvcf9



sinarplus

Lifestyle | Sihat & Cantik | FYI | Jom Jalan & Makan | Selebriti & Hiburan | Dunia | Video

Log Masuk | Daftar | Search | Cari

Mewah & kontemporari, Runway Batik 2026 angkat keindahan seni tekstil tradisional Terengganu

SIHAT & CANTIK FOLLOW > FESYEN FOLLOW

Oleh AZMA MOHD LAZIM Follow
04 Aug 2026 10:26pm

BLOC
Sime Darby Property
Ara Damansara's hottest address
Visit our show unit today

A - A A +

RUNWAY Batik 2026 telah berlangsung dengan penuh warna warni dan meriah dengan hasil rekaan dan koleksi batik Terengganu sempena Terengganu Showcase 2026.

Bertempat di Medan Mara, Kuala Lumpur, pertunjukan kali ini menghidangkan keunikan warisan batik yang diterjemahkan melalui rekaan kreatif dan penuh inspirasi oleh pereka serta pengusaha batik tempatan.

JOINTAB.
Sakit sendi yang teruk? Buat ini sebaik anda bangun tidur
TEMPAH SEKARANG

Terkini

HIBURAN LOKAL
'Welcome to the world Aisa Zaina.' Shiera, Jatt Ali timang cucu kedua

PERSONALITI
'Antara jutaan takdir, ALLAH pilih kita.' Pernah tular kisah duka pemergian suami, Farah Fakhira selamat bernikah

INSPIRASI
6 kali tukar sekolah bukan halangan, Azu Shahadan bimbing Adam tamat IGCSE usia 15 tahun – 'Kehidupan anak ibarat...

HIBURAN LOKAL
'Saya percaya dia mampu jaga dengan baik' – Zahnita Wilson dedah sudah bertunang, buka mulut isu serah 4 anak...

HIBURAN LOKAL
'Jangan ingat kita selebriti, semua benda boleh dilanggar' – Dazrin Kamarudin utamakan disiplin, popularity bukan tik...

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 5 OGOS 2026 (RABU)	
MEDIA	Kosmo
TAJUK	Baling Escapade Festival platform pembangunan ekonomi komuniti di Kedah
PAUTAN	https://tinyurl.com/bdcvrtvs

KOSMO!
KOLEKSI KISAH SERAM
TERKINI NEGARA HALAL NIAGA DUNIA SUKAN KAMPUS TEKNO REMAJA WANITA HIBGL
AdAlyzer Turn Data into Growth



Orang ramai boleh membeli pelbagai jenis makanan dan minuman kegemaran sempena acara yang disusun atur di bawa BEF 2026.

EKONOMI

Baling Escapade Festival platform pembangunan ekonomi komuniti di Kedah

Oleh KOSMO! 4 Ogos 2026, 5:45 pm

PETALING JAYA – Penganjuran sulung Baling Escapade Festival (BEF) 2026 berjaya menarik penyertaan lebih 60 usahawan yang menawarkan pelbagai produk makanan dan minuman, barangan hasil tangan tempatan dan juga keperluan gaya hidup.

Program anjuran Raydiates Blue Sdn Bhd itu menjadi satu platform pembangunan ekonomi komuniti yang menggabungkan elemen keusahawanan, pelancongan, gastronomi dan warisan budaya dalam satu festival yang memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat setempat.

Pengurus penganjuran, Rayme Zainal berkata, kejayaan penganjuran edisi sulung ini membuktikan bahawa Baling mempunyai potensi besar untuk berkembang sebagai destinasi festival yang mampu menjana limpahan ekonomi kepada komuniti setempat.

"Sepanjang festival berlangsung, pelbagai pengisian telah disediakan termasuk Anjung Malaysiaku Foodie Fiesta, reruai usahawan, bazar makanan, trak makanan, pameran agensi kerajaan, aktiviti keluarga serta pelbagai program komuniti yang memberi nilai tambah kepada pengalaman pengunjung," katanya dalam kenyataan.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 5 OGOS 2026 (RABU)	
MEDIA	Utusan Malaysia
TAJUK	BEF2026 perkasa usahawan, angkat warisan budaya di Baling
PAUTAN	https://tinyurl.com/5f9v4saj

BEF2026 perkasa usahawan, angkat warisan budaya di Baling



BALING Escapade Festival 2026 anjuran Raydiates Blue Sdn. Bhd menghimpunkan lebih 60 usahawan yang menawarkan pelbagai produk makanan, minuman, produk tempatan dan gaya hidup.

Oleh . UTUSAN MALAYSIA 4 Ogos 2026, 7:32 pm

BALING: Penganjuran sulung Baling Escapade Festival (BEF) 2026 mencatat kejayaan memberangsangkan apabila berjaya memberi impak positif kepada ekonomi setempat serta memperkukuh kedudukan Baling sebagai destinasi pelancongan berasaskan acara, warisan budaya dan gastronomi di Kedah.

Bertemakan "Escape. Explore. Experience Baling", BEF2026 dianjurkan sebagai sebahagian daripada inisiatif menyokong Tahun Melawat Malaysia 2026 melalui pembangunan produk pelancongan berasaskan komuniti, budaya dan pengalaman.

Festival dianjurkan oleh Raydiates Blue Sdn. Bhd. (Raydiates Blue), menghimpunkan lebih 60 usahawan yang menawarkan pelbagai produk makanan, minuman, produk tempatan dan gaya hidup.

Ia sekali gus membuka peluang kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk memperluaskan pasaran serta memperkenalkan produk mereka kepada pengunjung dari dalam dan luar Kedah.

Pengarah Urusan Raydiates Blue, Rayme Zainal berkata, BEF2026 muncul platform pembangunan ekonomi komuniti yang menggabungkan elemen keusahawanan, pelancongan, gastronomi dan warisan budaya dalam satu festival yang memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat setempat.

Beliau berkata, matlamat utama menjadikan festival itu bukan sekadar tempat berniaga tetapi juga memberi peluang kepada usahawan memperkenalkan produk, membina jenama, menambah rangkaian pelanggan dan meningkatkan jualan melalui kehadiran ribuan pengunjung sepanjang tiga hari penganjuran.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 5 OGOS 2026 (RABU)	
MEDIA	Utusan TV
TAJUK	Kita semua ada tarikh luput", Hanafiah ingatkan warga KEMAS pelihara integriti
PAUTAN	https://tinyurl.com/583ukfap

Semasa | Berita

"Kita semua ada tarikh luput", Hanafiah ingatkan warga KEMAS pelihara integriti

By Izzat Nasuruden | 04/08/2026 | Share





Izzat Nasuruden

Penulis merupakan *wartawan* di UtusanTV dengan pengalaman *11 tahun* dalam dunia kewartawanan sama ada media cetak mahu pun digital. Sebelum menyertai UtusanTV pada *Januari 2022*, penulis pernah bertugas di beberapa syarikat media arus perdana dan portal berita lain sejak *2015*. Sepanjang kerjaya, penulis telah menulis dan membuat liputan tentang pelbagai isu seperti *jenayah*, *politik*, *perkembangan semasa* dan *hiburan*.

KETUA Pengarah KEMAS, Datuk Mohd Hanafiah Man mengingatkan seluruh warga jabatan supaya memelihara integriti dan amanah sepanjang menjalankan tugas.

Tegas beliau, hal itu kerana walaupun setiap penjawat awam mempunyai 'tarikh luput' dalam perkhidmatan, namun nama dan rekod yang ditinggalkan akan terus menjadi penilaian masyarakat.

Beliau berkata, setiap amanah yang dipikul perlu dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab sehingga hari terakhir berkhidmat, termasuk dirinya yang akan menamatkan perkhidmatan sebagai Ketua Pengarah KEMAS pada 2 Disember ini.

SMART GADGETS FACTORY
Introducing Awesome Gadgets
smartgadgetsfactory.com

"Selagi amanah ini di bahu, peganglah betul-betul. Apabila tiba masanya kita melabuhkan tirai perkhidmatan, yang tinggal hanyalah nama. Biarlah anak cucu kita mendengar cerita yang baik-baik sahaja tentang kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Kursus Modul Pengukuhan Governance, Integriti dan Anti Rasuah (MPGIA) bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional KEMAS di Institut Latihan KEMAS (ILK).

Dari Penulis

Berita 04/08/2026
Islam seimbang antara ihsan terhadap haiwan dan menjaga keselamatan manusia – bekas mufti

WORLDWIDE SHIPPING
SMART GADGETS FACTORY
Introducing Awesome Gadgets
Order Now
smartgadgetsfactory.com

Berkaitan



Berita Azrul Hakimie Anuer · 05/08/2026
Kemalangan gajah liar: Pemeriksaan di lokasi dapati pagar telah dirobohkan kawanan gajah – Nanta Linggi



Berita
Polis buru individu disyaki terlibat 4 kes jenayah di Tanjung Bungah
Azrul Hakimie Anuer · 05/08/2026



Berita
Siasatan khas RCI TH: SPRM reman 3 lagi individu, disyaki subahat seleweng caj notis penalti
Azrul Hakimie Anuer · 05/08/2026



Berita
Pelajar lepasan SPM 2025 dari B40 kini boleh mohon dermasiswa JPA sambung belajar ke IPT
Azrul Hakimie Anuer · 05/08/2026



BoraKrasi
Perhimpunan Agung UMNO 2026 berlangsung 11, 12 September ini
Azrul Hakimie Anuer · 05/08/2026

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 5 OGOS 2026 (RABU)	
MEDIA	Dagang News
TAJUK	Kita semua ada tarikh luput", Hanafiah ingatkan warga KEMAS pelihara integriti
PAUTAN	https://tinyurl.com/583ukfap

Semasa | Berita

"Kita semua ada tarikh luput", Hanafiah ingatkan warga KEMAS pelihara integriti

By Izzat Nasuruden | 04/08/2026

Share



Izzat Nasuruden

Penulis merupakan *wartawan* di UtusanTV dengan pengalaman *11 tahun* dalam dunia kewartawanan sama ada media cetak mahu pun digital. Sebelum menyertai UtusanTV pada *Januari 2022*, penulis pernah bertugas di beberapa syarikat media arus perdana dan portal berita lain sejak *2015*. Sepanjang kerjaya, penulis telah menulis dan membuat liputan tentang pelbagai isu seperti *jenayah*, *politik*, *perkembangan semasa* dan *hiburan*.

KETUA Pengarah KEMAS, Datuk Mohd Hanafiah Man mengingatkan seluruh warga jabatan supaya memelihara integriti dan amanah sepanjang menjalankan tugas.

Tegas beliau, hal itu kerana walaupun setiap penjawat awam mempunyai 'tarikh luput' dalam perkhidmatan, namun nama dan rekod yang ditinggalkan akan terus menjadi penilaian masyarakat.

Beliau berkata, setiap amanah yang dipikul perlu dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab sehingga hari terakhir berkhidmat, termasuk dirinya yang akan menamatkan perkhidmatan sebagai Ketua Pengarah KEMAS pada 2 Disember ini.



"Selagi amanah ini di bahu, peganglah betul-betul. Apabila tiba masanya kita melabuhkan tirai perkhidmatan, yang tinggal hanyalah nama. Biarlah anak cucu kita mendengar cerita yang baik-baik sahaja tentang kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Kursus Modul Pengukuhan Governance, Integriti dan Anti Rasuah (MPGIA) bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional KEMAS di Institut Latihan KEMAS (ILK).

Dari Penulis

Berita 04/08/2026

Islam seimbang antara ihsan terhadap haiwan dan menjaga keselamatan manusia – bekas mufti



Berkaitan



Berita Azrul Hakimie Anuer - 05/08/2026

Kemalangan gajah liar: Pemeriksaan di lokasi dapati pagar telah dirobohkan kawanan gajah – Nanta Linggi



Berita

Polis buru individu disyaki terlibat 4 kes jenayah di Tanjung Bungah

Azrul Hakimie Anuer - 05/08/2026



Berita

Siasatan khas RCI TH: SPRM reman 3 lagi individu, disyaki subahat seleweng caj notis penalti

Azrul Hakimie Anuer - 05/08/2026



Berita

Pelajar lepasan SPM 2025 dari B40 kini boleh mohon dermasiswa JPA sambung belajar ke IPT

Azrul Hakimie Anuer - 05/08/2026



BoraKrasi

Perhimpunan Agung UMNO 2026 berlangsung 11, 12 September ini

Azrul Hakimie Anuer - 05/08/2026

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 5 OGOS 2026 (RABU)	
MEDIA	Dagang News
TAJUK	Kita semua ada tarikh luput", Hanafiah ingatkan warga KEMAS pelihara integriti
PAUTAN	https://tinyurl.com/583ukfap

PARAFRASA TERKINI - 04 Aug 2026 08:00 AM

DagangNews.com

Industri getah perlukan generasi baharu saintis dan inovator



Oleh Dr. Mohd Syafik Mohamad Hamdan
suratpembaca@dagangnews.com

Industri getah merupakan antara sektor komoditi yang mempunyai sejarah panjang dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Pengilangan

Namun, dalam era ekonomi digital, perubahan iklim, perkembangan teknologi dan persaingan komoditi global yang semakin kompleks, persoalan yang perlu difikirkan ialah sejauh mana generasi muda hari ini memahami kepentingan industri getah kepada negara.

Persoalan ini bukan sekadar berkaitan dengan siapa yang akan menoreh pokok getah pada masa hadapan. Sebaliknya, ia berkaitan dengan siapa yang akan menjadi saintis, penyelidik, jurutera, ahli teknologi, usahawan dan pembuat dasar yang akan memastikan industri getah Malaysia terus berdaya saing dalam tempoh 20 hingga 30 tahun akan datang.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 5 OGOS 2026 (RABU)	
MEDIA	BERNAMA
TAJUK	Pengurus Projek direman disyaki terima rasuah RM38,000 bagi projek bekalan air
PAUTAN	https://tinyurl.com/3fh6pzcy

JENAYAH & MAHKAMAH > BERITA

Pengurus Projek Direman Disyaki Terima Rasuah RM38,000 Bagi Projek Bekalan Air

04/08/2026 06:21 PM



Kredit: SPRM

KOTA BHARU, 4 Ogos (Bernama) -- Seorang pengurus projek sebuah syarikat pembinaan direman tujuh hari bermula hari ini bagi membantu siasatan berhubung dakwaan meminta dan menerima rasuah berjumlah kira-kira RM38,000 sebagai balasan membantu mendapatkan projek bekalan air luar bandar di Kelantan.

Perintah reman hingga 10 Ogos terhadap lelaki berusia lingkungan 40-an itu dikeluarkan Majistret Amirul Asyraf Abdul Rashid selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret 1 di sini, pagi tadi.

Menurut sumber suspek ditahan kira-kira 1 tengah hari semalam ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Kelantan.

Siasatan awal mendapati suspek disyaki melakukan perbuatan itu pada 2022 dengan meminta dan menerima wang rasuah daripada sebuah syarikat kontraktor sebagai balasan membantu mendapatkan projek bekalan air luar bandar secara rundingan terus daripada sebuah kementerian.

KATA KUNCI

sprm | pengurus projek | rasuah | reman | azmin yusoff

BERITA BERKAITAN



Tuntutan Palsu Daya Kerjaya Perkeso: 12 Didakwa Di Kelantan, Kedah, Perak

12minit lalu



Anggota Penjara Disyaki Terima Rasuah RM3,000 Direman Enam Hari

1jam lalu



RCI Tabung Haji: SPRM Reman Tiga Lagi Individu Berhubung Penyelewengan NOP RM450,000

2jam lalu

LAGI BERITA



Liga Elit DUN Kelantan Diarah Henti Perlawanan Jika Cuaca Buruk

2minit lalu



PM Anwar Arah KESUMA Segera Uruskan 15,000 Permohonan Pertama Pekerja Asing - Fahmi

4minit lalu



Terengganu Sasar 61 Pingat Emas Di SUKMA Selangor

12minit lalu

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 5 OGOS 2026 (RABU)	
MEDIA	Malaysia Kini
TAJUK	Pengurus projek disyaki terima rasuah projek air direman
PAUTAN	https://tinyurl.com/fsy2zkch



EN BM ZH TA

malaysiakini
terkini untuk anda

ADS

Paling Popular Terkini

Tsunami BN-PN boleh buat PH lebih teruk dari 2008, hilang S'gor
Zikri Kamarulzaman, Lee Way Loon
1 hari lepas

BN-PN bakal sapu bersih Semenanjung: GPS, GRS bukan lagi 'kingmaker' - Sng
1 hari lepas

Ahli PKR lapor polis terhadap Ridhuan Tee, didakwa sentuh isu 3R
1 hari lepas

Announcement

YTL Foundation launches ilmu Fellowship to shape future changemakers
The 10-month fellowship brings together emerging leaders from the government, business and civil society to strengthen trust, collaboration and resilience across sectors

Business Stories

How EStream is powering the next phase of digital growth for Malaysian businesses
Dual Golden Bull Awards win underscores EStream Software's expanding role in bridging accounting, ERP, and AI-driven business solutions

BERITA

Pengurus projek disyaki terima rasuah projek air direman

Diterbitkan: Aug 4, 2026 7:45 PM · Dikemaskini: 7:45 PM

Seorang pengurus projek syarikat pembinaan hari ini direman bagi membantu siasatan dakwaan meminta dan menerima rasuah berjumlah kira-kira RM38,000 sebagai balasan membantu mendapatkan projek bekalan air luar bandar di Kelantan.

Perintah reman sehingga 10 Ogos terhadap lelaki berusia lingkungan 40-an itu dikeluarkan majistret Amirul Asyraf Abdul Rashid selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret 1 Kota Bharu pagi tadi.

Menurut sumber, suspek ditahan kira-kira jam 1 tengah hari semalam ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Kelantan.

Katanya siasatan awal mendapati suspek disyaki melakukan perbuatan itu pada 2022 dengan meminta dan menerima wang rasuah daripada sebuah syarikat kontraktor sebagai balasan membantu mendapatkan projek bekalan secara rundingan terus dari sebuah kementerian.

Sumber memaklumkan suspek dipercayai menerima wang rasuah secara tunai selain melalui transaksi pemindahan ke akaun bank peribadinya serta beberapa akaun pihak ketiga.